



**IKLAN MENGISI KEKOSONGAN
JAWATAN KENAIKAN PANGKAT
(KUMPULAN PELAKSANA GRED 28 – 42)
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

1. JAWATAN

- a) Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36 (3 kekosongan)

2. Kenaikan Pangkat ini terbuka kepada calon-calon seperti berikut:

- a) Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29/JA30 bagi jawatan 1(a)

3. SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Calon-calon mestilah sedang berkhidmat di Kementerian Kerja Raya atau Jabatan Kerja Raya (Lantikan Persekutuan termasuk pegawai yang mengisi jawatan kader atau dipinjamkan ke agensi lain) dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Malaysia (SSM);
- b) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- c) Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi 3 tahun terakhir;
- d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- e) Pegawai adalah **DILANTIK** pada **30 Jun 2013 dan sebelum;**
- f) Bebas dari hukuman tatatertib;
- g) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- h) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- i) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- j) **Bersetuju untuk bertukar apabila diberi pemangkuan atau kenaikan pangkat.** (Penolakan pemangkuan kerana **tidak sanggup bertukar** boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan 4(2) (i), Peraturan - Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

4. PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan dengan mengisi borang **KKR/BPSM/PM** (salinan fotostat borang diterima) dengan menyertakan dokumen-dokumen yang **disahkan oleh Ketua Jabatan** iaitu:
- a) Sesalanan Penyata Perkhidmatan (**termasuk penyata cuti**) yang **dikemaskini** sehingga terkini dan disahkan;
 - b) Sesalanan Kelulusan Perisytiharan Harta yang terkini (**yang masih berkuatkuasa dalam tempoh 5 tahun**);
 - c) Sesalanan setiap satu Laporan Nilai Prestasi Tahunan untuk tiga (3) tahun terkini (**Tahun 2017, 2018, dan 2019**);
 - d) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan
 - e) Salinan Surat Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
 - f) Permohonan juga perlu dilengkapi menggunakan capaian borang **<http://bit.do/PenolongPegawaiSeniBinaJA36>**

5. PERMOHONAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

Permohonan yang diterima seperti berikut **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**:

- a) Tidak menggunakan Borang KKR/BPSM/PM;
- b) Tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- c) Tidak menyertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- d) Tidak mengemukakan maklumat yang lengkap dan jelas;
- e) Salinan dokumen yang diperlukan tidak disahkan;
- f) Buku Perkhidmatan yang tidak dikemaskini;
- g) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan; dan
- h) Diterima selepas tarikh tutup iklan.

6. ALAMAT PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 14, BLOK B, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR
(u.p.: Cawangan Pengurusan Prestasi dan Kemajuan Kerjaya)**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan-jawatan yang diiklankan adalah pada **30 November 2020.**

8. MAKLUMAT KEKOSONGAN PENEMPATAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT

Bil	Jawatan	Penempatan	Jumlah kekosongan
i.	Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA36	Kuala Lumpur	2
		Seluruh Malaysia (Pengurusan Projek)	1

* maklumat kekosongan penempatan adalah sehingga dari tarikh iklan dikeluarkan

9. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:-

a) Bidang Elektrik & Senibina

- Pn. Rahaza binti Nazir

(03-2771 4985)